



**PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**PANDUAN AM
PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA ELEKTRIK**

1. CARA MEMOHON

Pemohon hendaklah mengisi **BORANG PERMOHONAN KONTRAKTOR KERJA AWAM DAN ELEKTRIK (PKK NO: 001/05)** atau **BORANG PEMBAHARUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA AWAM DAN ELEKTRIK (PKK NO: 002/05)** yang berkaitan dengan lengkap.

Borang yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan ke Pusat ini beserta dengan fee proses (**bagi permohonan baru sahaja**), bersesuaian dengan kelas yang dipohon, seperti berikut:

**AKTA FEE 1951 PERINTAH FEE
(PENDAFTARAN KONTRAKTOR) 1984**

KELAS	FEE PROSES (RM)	KELAS	FEE PROSES (RM)
I	100.00	IV	50.00
II	100.00	V	50.00
III	50.00	VI	50.00

Bayaran fee ini hendaklah dibuat melalui Deraf Bank, Perintah Juruwang, Kiriman Pos atau Wang Pos, atau Wang Pos berpaling, atas nama **PENGARAH PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR**. Bayaran dengan wang tunai atau lain-lain cara tidak akan diterima.

Borang permohonan yang tidak disertakan dengan fee proses tidak akan didaftarkan dan akan dikembalikan.

2. TEMPAT MEMOHON

Borang Permohonan beserta dengan fee proses hendaklah dikemukakan ke Pusat ini seperti alamat berikut

- i) Untuk pendaftaran Kelas I , II dan III

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Lot 2G6, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Tel : 03-88805000
Fax : 03-88805472/5412

- ii) Untuk pendaftaran Kelas IV , V dan VI

Pengarah,
Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri,
di mana pemohon menjalankan operasi perniagaannya.
(Sila rujuk **Lampiran A** untuk alamat penuh Pusat Khidmat Kontraktor
Cawangan Negeri)

3. KELAS PENDAFTARAN

Pemohon hendaklah menyatakan Kelas pendaftaran yang hendak dipohon.

Kontraktor dibenarkan berdaftar dalam satu kelas sahaja.

Kontraktor yang berdaftar hanya dibenarkan menyertai tender yang dipelawa bagi kelas pendaftaran yang ianya didaftarkan.

Had kewangan (atau kos kerja) bagi satu-satu kelas pendaftaran adalah seperti berikut:-

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 9/1987

KELAS	HAD KEWANGAN (RM)
I	50,001 ke atas
II	1,000,001 ke bawah
III	500,001 ke bawah
IV	150,001 ke bawah
V	50,001 ke bawah
VI	20,001 ke bawah

4. KAWASAN OPERASI

4.1 Kerja Tender

4.1.1 Di seluruh Negara

Syarikat yang berdaftar dalam kelas-kelas pendaftaran seperti berikut mempunyai kawasan operasi di seluruh negara :

- (i) Kelas I, II, III, IV
- (ii) Kelas V dan VI yang bertaraf Bumiputera

4.1.2 Di Negeri Berdaftar sahaja

Syarikat yang berdaftar dalam kelas-kelas pendaftaran berikut dibenarkan beroperasi di dalam negeri ianya didaftarkan sahaja :

Kelas V dan VI

5. KEPALA DAN SUB-KEPALA (BIDANG KERJA)

Pemohon hendaklah menyatakan Kepala dan Sub-Kepala yang hendak dipohon.

Kepala dan Sub-Kepala yang wujud dalam pendaftaran kontraktor kerja elektrik Pusat ini ialah:-

KEPALA

Kepala VII

SUB-KEPALA

1. - Kerja-kerja pendawaian am
2. - Pendawaian sistem kawalan
3. - Pemasangan talian atas voltan rendah dan kabel bawah tanah

4. - Pemasangan kabel bawah tanah melebihi 1KV sehingga dan termasuk 11KV
5. - Pemasangan loji penjanaan sehingga dan termasuk 1KV
6. - Pemasangan loji penjanaan voltan tinggi
7. - Pemasangan talian atas termasuk menara penghantaran 11KV dan ke atas
8. - Pemasangan talian atas termasuk menara penghantaran 6.6KV ke atas
9. - Pembersihan rentis untuk 6.6KV dan ke atas
10. - Pemasangan kelengkapan voltan tinggi :
 - (a) hingga dan termasuk 11KV
 - (b) melebihi 11KV
11. - Pemasangan lampu jalan awam
12. - Pemasangan lampu lapangan terbang
13. - Pemasangan lampu khas seperti lampu stadium dan kawasan lampu limpah, lampu pentas dan sebagainya
14. - Pemasangan system bekalan kuasa tanpa gangguan
15. - Pemasangan sistem kejuruteraan elektrik/elektronik voltan rendah tambahan seperti sistem pengesanan dan penggera, sistem keselamatan dan sebagainya.
16. - Sistem bunyi

6. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN

6.1 Perbadanan Syarikat atau Perniagaan (Pendaftaran)

- 6.1.1 Sesebuah syarikat, perniagaan atau koperasi yang memohon untuk berdaftar dengan Pusat ini hendaklah terlebih dahulu diperbadankan di negara ini, iaitu berdaftar dengan Suruhanjaya syarikat Malaysia (SSM) atau Pejabat Pendaftar Pembangunan Koperasi, yang mana berkenaan.
- 6.1.2 Bagi pendaftaran dalam Kelas I, syarikat hendaklah berdaftar dahulu sebagai kontraktor pendawaian dalam Kelas A dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) jika memohon Sub Kepala 1, 2 5 dan 6 sahaja
- 6.1.3 Bagi Sub-kepala yang tertentu, seperti tercatat di **Lampiran B**, syarikat hendaklah berdaftar sebagai kontraktor pendawai sekurang-kurangnya dalam Kelas D dengan Suruhanjaya Tenaga (ST)

6.2 Kedudukan Kewangan Syarikat

Pemohon hendaklah menyatakan modal berbayar/modal terkumpul syarikat. Definisi modal berbayar dan modal terkumpul adalah seperti di **Lampiran C**.

Sesebuah syarikat hendaklah memiliki modal minima seperti berikut untuk layak dipertimbangkan bagi kelas yang dipohon:-

KELAS	MODAL BERBAYAR/MODAL TERKUMPUL MINIMA (RM)
I	75,001
II	50,001
III	25,001
IV	7,501
V	2,501
VI	1,001

6.3 Kelulusan dan Pengalaman Individu Dalam Syarikat

- (i) Bagi Sub-kepala tertentu seperti yang tercatat di **Lampiran B**, syarikat hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya seorang pekerja kompeten, iaitu Pendawai, Penjaga Jentera atau pemegang sijil Juruelektrik. Anggota kompeten yang berkenaan bolehlah terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah, Pemegang Saham, Ahli Pengurusan atau kakitangan syarikat yang dibayar gaji dan dibayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- (ii) Syarikat yang hendak berdaftar dalam Kelas I, hendaklah juga dianggotai oleh sekurang-kurangnya seorang ahli pengurusan teknikal, yang berkelulusan ijazah dalam bidang Elektrik daripada Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- (iii) Syarikat yang mempunyai Ahli Lembaga Pengarah, Pemegang Saham atau Ahli Pengurusan syarikat yang mempunyai pengalaman kerja dalam bidang elektrik hendaklah mengemukakan bukti-bukti pengalaman mereka.

6.4 Rekod Kerja Syarikat

Syarikat yang pernah menjalankan kerja dengan sempurna dan baik, dalam tempoh masa 5 tahun sebelum mengemukakan permohonan pendaftaran hendaklah mengemukakan bukti-bukti kerja seperti berikut :

- (i) Surat tawaran kerja/Inden kerja
- (ii) Sijil/Perakuan Siap Kerja atau baucer bayaran bagi kerja-kerja sebut harga, undi atau requisition
- (iii) Surat perjanjian dengan Kontraktor utama, yang bersetem bagi kerja-kerja yang dilaksanakan sebagai sub-kontraktor.

6.5 Loji dan Peralatan

- (i) Syarikat yang memiliki loji atau peralatan sendiri hendaklah mengemukakan resit belian peralatan, buku daftar kenderaan atau lain-lain dokumen yang membuktikan hakmilik loji dan peralatan berkenaan.
- (ii) Syarikat yang memperolehi kemudahan sewaan atau sewa pajak loji dan peralatan hendaklah mengemukakan surat pengesahan sewaan atau sewa pajak daripada syarikat yang menyewakan loji atau peralatan berkenaan.

6.6 Ekuiti Asing

Syarikat yang mempunyai Ekuiti Asing (Ekuiti milikan bukan warganegara Malaysia) boleh berdaftar dengan Pusat ini, tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- (i) Bagi syarikat perkongsian Bumiputera dan Asing, ekuiti asing di dalam syarikat tidak boleh melebihi 49% daripada modal berbayar/modal terkumpul syarikat (dan majoriti Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja adalah Warganegara)
- (ii) Bagi syarikat perkongsian Bumiputera, Bukan Bumiputera dan Asing ekuiti bumiputera mestilah tidak kurang dari 30% daripada modal berbayar/modal terkumpul syarikat dan ekuiti asing tidak melebihi 30% dari modal berbayar/modal terkumpul syarikat.
- (iii) Ahli Pengurusan syarikat yang terdiri daripada warganegara asing hendaklah memiliki permit kerja dari Jabatan Tenaga Manusia atau Jabatan Imigresen.
- (iv) Penyertaan dalam tender adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 dan lain-lain arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

6.7 Penglibatan Dalam Syarikat-Syarikat Lain Yang Telah Berdaftar Dengan PKK

(i) Ekuiti

Permohonan pendaftaran tidak akan diberi pertimbangan sekiranya mana-mana Pemegang Saham melebihi 5% atau RM50,000 (yang mana terkurang)dalam syarikat yang memohon telah memiliki saham melebihi nilai dan peratusan di atas, dalam mana-mana syarikat yang telah berdaftar dengan PKK sebagai Kontraktor Kerja Elektrik dalam kepala kerja yang sama seperti dipohon.

(ii) Ahli Lembaga Pengarah

Permohonan pendaftaran tidak akan diberi pertimbangan sekiranya mana-mana Ahli Lembaga Pengarah syarikat yang memohon memegang apa-apa jawatan Eksekutif / Pengurusan dalam mana-mana syarikat yang telah berdaftar dengan PKK sebagai Kontraktor Kerja Elektrik dalam kepala kerja yang sama seperti dipohon.

(iii) Ahli Pengurusan dan Kakitangan

Permohonan pendaftaran tidak akan diberi pertimbangan sekiranya mana-mana Ahli Pengurusan atau kakitangan syarikat yang memohon memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana syarikat yang telah berdaftar dengan PKK sebagai Kontraktor Kerja Elektrik dalam kepala yang sama seperti dipohon.

7. FEE PENDAFTARAN

Syarikat yang permohonannya diluluskan akan dimaklumkan melalui surat tawaran pendaftaran. Di dalam surat ini dinyatakan Kelas Pendaftaran, Kepala dan Sub-Kepala yang diluluskan. Juga dimaklumkan ialah jumlah fee pendaftaran yang mesti dijelaskan, bersesuaian dengan kelas pendaftaran yang diluluskan seperti berikut:-

**AKTA FEE 1951 PERINTAH FEE
(PENDAFTARAN KONTRAKTOR) 1984**

KELAS	FEE PENDAFTARAN (RM)	KELAS	FEE PENDAFTARAN (RM)
I	1,500	IV	150
II	500	V	80
III	250	VI	50

Fee ini hendaklah dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran dibuat melalui Draf Bank, Perintah Juruwang, Kiriman Wang Pos atau Wang Pos berpaling atas nama **PENGARAH, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR**. Bayaran dengan wang tunai atau lain-lain cara tidak akan diterima.

Kegagalan menjelaskan fee ini dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan sendirinya membatalkan kelulusan yang diberi.

8. TEMPOH SAHLAKU PENDAFTARAN

Tempoh sahlaku pendaftaran ialah selama dua (2) tahun sahaja. Permohonan pembaharuan hendaklah dibuat tiga (3) bulan sebelum luput pendaftaran.

Permohonan pembaharuan pendaftaran yang diterima selepas tarikh luput pendaftaran tidak akan dipertimbangkan dan jika syarikat masih berminat untuk berdaftar dengan Pusat ini maka hendaklah mengemukakan permohonan baru pendaftaran.

9. PENGIKTIRAFAN BUMIPUTERA

Permohonan Pengiktirafan Bumiputera boleh dibuat serentak dengan Permohonan Pendaftaran Baru. Syarikat hendaklah memenuhi syarat-syarat yang tercatat dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 1995, iaitu:-

- (i) majoriti atau sekurang-kurangnya 51% daripada pemilikan saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera dimana pemilikan saham individu Bumiputera hendaklah melebihi saham individu bukan Bumiputera;
- (ii) majoriti atau sekurang-kurangnya 51% daripada Ahli Lembaga Pengarah dipegang oleh Bumiputera;
- (iii) jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dan jawatan-jawatan penting lain (key post) hendaklah dipegang oleh Bumiputera;
- (iv) majoriti atau sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja-pekerja terdiri daripada Bumiputera;
- (v) Pengurusan kewangan hendaklah dikuasai oleh Bumiputera; dan
- (v) carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan sepenuhnya oleh Bumiputera.

10. DOKUMEN-DOKUMEN YANG MESTI DIKEMUKAKAN BERSAMA-SAMA DENGAN PERMOHONAN

10.1 Semua Pemohon

- (a) Nombor Kad Pengenalan (Nombor Pasport bagi Warganegara Asing) serta tarikh lahir semua ahli Lembaga Pengarah, pemegang saham, ahli pengurusan, pegawai pekerja kompeten dan kakitangan syarikat.
- (b) Salinan Penyata Caruman KWSP (Borang A) terakhir dengan salinan resit bayaran caruman yang berkenaan.
- (c) Salinan Sijil kelulusan ahli Lembaga Pengarah, pemegang saham, ahli pengurusan, pegawai dan kakitangan syarikat yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah, Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan) atau Penghulu.
- (d) Salinan Permit Kerja dari Jabatan Tenaga Manusia atau Jabatan Imigresen (yang telah disahkan) bagi ahli pengurusan syarikat yang terdiri dari Warganegara Asing.
- (e) Surat pengesahan pengalaman ahli Lembaga Pengarah pemegang saham, ahli pengurusan, pegawai dan kakitangan syarikat.
- (f) Surat pengesahan bank atau institusi kewangan mengenai kemudahan-kemudahan kewangan yang diperolehi
- (g) Salinan penyata bank bagi Akaun Semasa untuk 3 bulan terakhir
- (h) Salinan yang disahkan resit pembelian alat/loji dan surat pendaftaran kenderaan kepunyaan syarikat
- (i) Surat pengesahan sewaan alat/ loji/ kenderaan
- (j) Surat pengesahan kemudahan kredit bahan-bahan
- (k) Salinan yang disahkan Surat Penerimaan Tawaran Tender (Letter of Acceptance), Works Order dan sebagainya serta salinan Sijil Siap Kerja atau Baucer Bayaran Akhir bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan.
- (l) Salinan yang berselem dan disahkan perjanjian sub kontrak dengan kontraktor utama (main contractor) bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan cara sub-kontrak, berserta dengan salinan yang disahkan surat Penerimaan Tawaran Tender kontraktor utama.

10.2 Syarikat Sendirian Berhad

- (a) Salinan Borang 9 Perakuan Perbadanan, dan Memorandum and Articles of Association
- (b) Salinan yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) :
 - (i) Borang 'Annual Return Of Company Having A Share Capital' yang terakhir dan Borang 24 'Return of Allotment of Shares' bagi tambahan saham selepas 'Annual Return' yang berkenaan, ATAU
 - (ii) Kesemua borang 24 'Return of Allotment of Shares' DAN kesemua salinan Borang 32A 'Pindah Milik Saham' yang disetem oleh Pejabat Setem, jika ada berlaku pindah milik saham.

- (iii) Borang 49 'Return Giving Particulars in Registration of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars' yang terakhir.
- (c) Jika saham syarikat pemohon dipegang oleh syarikat lain, sertakan salinan borang 'Annual Return Of A Company Having A Share Capital' dan salina Borang 24 syarikat tersebut (untuk tambahan saham selepas 'Annual Return' berkenaan, jika ada) yang telah disahkan oleh Suruhanjaya syarikat Malaysia(SSM) dan nombor Kad Pengenalan mereka-mereka yang namanya tercatat di dalam borang tersebut.

10.3 Perniagaan Perseorang dan Perkongsian

- (a) Salinan Borang A Pendaftaran Perniagaan yang disahkan oleh Pendaftar Perniagaan, Pesuruhjaya Sumpah, Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan) atau Penghulu.
- (b) Salinan Borang B Pendaftaran Perniagaan yang disahkan oleh Pendaftar Perniagaan, Pesuruhjaya Sumpah, Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan) atau Penghulu, sekiranya ada perubahan
- (c) Salinan Borang D Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku yang disahkan oleh Pendaftar Perniagaan, Pesuruhjaya Sumpah, Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan) atau Penghulu.

10.4 Lain-lain dokumen

- (a) Salinan surat tawaran pendaftaran/ pembaharuan kontraktor Pendawaian yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (SSM) yang terakhir.
- (b) Salinan Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Elektrik yang terbaru dan masih berkuatkuasa, disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan) atau Penghulu.
- (c) Salinan sijil pendawai / penjaga jentera (wireman/chargeman) kakitangan syarikat yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan) atau Penghulu.
- (d) Salinan fotostat (depan belakang) kad pengenalan Pendawai / Penjaga Jentera yang berumur lebih dari 55 tahun.
- (e) Salinan Surat Pendaftaran Orang Kompeten yang telah disahkan Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan) atau Penghulu.
- (f) Senarai bahan-bahan dan alat pengujian elektrik yang dimiliki.

11. PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN KEBENARAN KHAS KONTRAKTOR ELEKTRIK

11.1 Jenis Kebenaran Khas yang Dibenarkan

- (i) Naik satu kelas lebih tinggi
- (ii) Tambah kepala dalam kelas pendaftarannya;

11.2 Kriteria Mendapatkan Kebenaran Khas

11.2.1 Naik Satu Kelas Lebih Tinggi

- (i) Telah menyiapkan sekurang-kurangnya satu projek dalam kelas sedia ada;
- (iii) Mempunyai modal yang sesuai dengan kelas yang dipohon;
- (iv) Mempunyai semua Sub-Kepala yang diperlukan seperti di dalam tawaran

11.2.2 Tambah Sub-Kepala

- (i) Syarikat mempunyai pekerja kompeten yang sesuai dalam kerja berkaitan;

11.3 Dokumen-dokumen yang diperlukan

- (i) Surat permohonan Kebenaran Khas;
- (ii) Keratan Iklan Tawaran;
- (iii) Salinan Sijil Pendaftaran yang masih sah;
- (iv) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (jika perlu);
- (v) Salinan Borang A KWSPberserta resit bayaran; dan
- (iii) Senarai kerja yang telah dan sedang dilaksanakan berserta Salinan Surat Setujuterima Tawaran atau Sijil Siap Kerja;

11.4 Syarat-syarat Am

- (i) Syarikat yang baru berdaftar dan belum ada pengalaman kerja tidak layak memohon. Pertimbangan hanya akan diberikan kepada syarikat yang telah berdaftar tidak kurang daripada 6 bulan;
- (ii) Syarikat sentiasa aktif menyertai tawaran;
- (iv) Rekod kerja yang baik dan tiada cadangan atau tindakan tatatertib diambil ke atas syarikat;
- (iv) Kebenaran Khas diberikan sekali sahaja pada suatu masa sehingga keputusan tender diputuskan oleh Lembaga Tender.
- (v) Syarikat hendaklah memaklumkan keputusan / kedudukan tender lepas yang dimasuki melalui Kebenaran Khas (kemukakan surat pengesahan daripada Agensi berkenaan);
- (vi) Jika syarikat telah berjaya dalam tender yang menggunakan Kebenaran Khas, permohonan selanjutnya ditolak sehingga projek tersebut siap dan syarikat dikehendaki memohon Naik Kelas atau Tambah Sub-Kepala secara tetap bagi Kelas atau Sub-Kepala yang berjaya tersebut;
- (vii) Semua permohonan hendaklah dihantar awal dan tidak lewat daripada 2 hari sebelum tarikh tutup membeli dokumen atau tarikh tutup tender.

**ALAMAT DAN NOMBOR TELEFON PKK
CAWANGAN NEGERI-NEGERI**

IBU PEJABAT

Pusat Khidmat Kontraktor,
Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi,
Aras 5 Blok Menara dan Podium, Lot 2G6, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA

Tel : 03-8880 5000
Faks : 03-8880 5472
Email : pkk@meccd.gov.my

WILAYAH PERSEKUTUAN

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Wilayah Persekutuan,
Aras 5 Blok Podium, Lot 2G6, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA

Tel : 03-8880 5373
Faks : 03-8880 5339

SELANGOR

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Selangor,
Tingkat 3, Fasa III,
Kompleks PKNS,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR

Tel : 03-55102959
Fax : 03-55190097

NEGERI SEMBILAN

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Sembilan,
Tingkat 3,
Wisma Persekutuan,
70503 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Tel : 06-7651616
Fax : 06-7651618

MELAKA

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Melaka,
Tingkat 3, Bangunan UMNO,
Jalan Hang Tuah,
75300 MELAKA

Tel : 06-2848244
Fax : 06-2823075

PERAK

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Perak,
Tingkat 3, Blok A,
Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450 IPOH, PERAK

Tel : 05-2539529
Fax : 05-2540367

PERLIS

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Perlis,
Tingkat 9,
Bangunan Persekutuan,
Persiaran Jubli Emas,
01000 KANGAR, PERLIS

Tel : 04-9769029
Fax : 04-9768790

KEDAH

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Kedah,
Tingkat 4,
Wisma Persekutuan,
Jalan Kampung Baru,
05000 ALOR SETAR, KEDAH

Tel : 04-7318995
Fax : 04-7306861

PULAU PINANG

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 8, Bangunan Guna Sama Persekutuan
Jalan Anson,
10400 GEORGETOWN, PULAU PINANG

Tel : 04-2264600
Fax : 04-2272500

KELANTAN

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Kelantan,
Tingkat Mezzanine,
Bangunan Sutera Inn,
Jalan Dusun Muda, Off Jalan Bayam,
**15200 KOTA BHARU, KELANTAN
JOHOR**

Tel : 09-7449223
Fax : 09-7487353

TERENGGANU

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Terengganu,
Tingkat 3, Wisma Majlis Agama Islam,
Jalan Banggol,
20100 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Tel : 09-6232911
Fax : 09-6225651

SABAH

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Sabah,
Lot D 6.1, Tingkat 6, Blok D, Bangunan KWSP,
Peti Surat 88,
88598 KOTA KINABALU, SABAH

Tel : 088-267791
Fax : 088-267792

SARAWAK

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Sarawak,
Tingkat 9, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93592 KUCHING, SARAWAK

Tel : 082-424850
Fax : 082-421080

PAHANG

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Pahang,
Tingkat 2,
Plaza Gambut,
Jalan Gambut,
25000 KUANTAN, PAHANG

Tel : 09-5132207
Fax : 09-5131614

JOHOR

Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Johor,
Tingkat 5, Blok B,
Wisma Persekutuan,
Jalan Air Molek,
80000 JOHOR BAHRU,

Tel : 07-2238012
Fax : 07-2233839

**KEPERLUAN PEKERJA KOMPETEN DAN PENDAFTARAN
SEBAGAI KONTRAKTOR PENDAWAIAN DENGAN SURUHANJAYA TENAGA
(JABATAN BEKALAN ELEKTRIK)**

SUB KEPALA	PEKERJA PENDAWAI	KOMPETEN PENJAGA JENTERA	JURUELEKTRIK/ PENGALAMAN	PENDAFTARAN JBE (JJPE)
1	3 Fasa	-	-	perlu
2	3 Fasa	-	-	perlu
3*	3 Fasa	mana-mana satu Penjaga Jentera	pengalaman kerja	tidak perlu
4*	3 Fasa	mana-mana satu Penjaga Jentera	pengalaman kerja	tidak perlu
5	-	A2, A3, A4, B2, B3 ATAU B4	-	perlu
6	-	B2, B3 ATAU B4	-	perlu
7*	3 Fasa	mana-mana satu Penjaga Jentera	pengalaman kerja	tidak perlu
8*	3 Fasa	mana-mana satu Penjaga Jentera	pengalaman kerja	tidak perlu
9*	3 Fasa	mana-mana satu Penjaga Jentera	pengalaman kerja	tidak perlu
10(a)*	3 Fasa	mana-mana satu Penjaga Jentera	pengalaman kerja	tidak perlu
10(b)*	3 Fasa	mana-mana satu Penjaga Jentera	pengalaman	tidak perlu
11	-	A1, A2, A4, B0, B1 ATAU B4	-	tidak perlu
12	-	A1, A2, A4, B0, B1, B2 ATAU B4	-	tidak perlu
13	-	A1, A2, A4, B0, B1, B2 ATAU B4	-	tidak perlu
14	-	A0, A1, A2, A3, A4, B0, B1, B2 ATAU B4	-	tidak perlu
15*	3 Fasa	mana-mana satu Penjaga Jentera	pengalaman kerja	tidak perlu
16*	3Fasa	mana-mana satu Penjaga Jentera	pengalaman kerja	tidak perlu

* bagi sub-kepala ini, pemohon hanya dikehendaki mengadakan sekurang-kurangnya seorang pekerja kompeten atau yang berpengalaman sahaja daripada yang disyaratkan.

**DEFINISI MODAL UNTUK TUJUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR KERJA
DENGAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR**

1. Bagi syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat seperti Syarikat Sendirian Berhad atau Syarikat Berhad maka modal yang diambilkira adalah modal berbayar syarikat.
2. Bagi perniagaan-perniagaan yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan sama ada perniagaan perseorangan (Perniagaan Tunggal) atau perniagaan perkongsian maka modal yang diambilkira adalah modal terkumpul perniagaan iaitu salah satu atau jumlah unsur-unsur berikut:-
 - 2.1 Purata baki terakhir untuk 3 bulan berturut-turut akaun semasa pemohon termasuk akaun ahli kongsi (mengikut peratus syer masing-masing) jika pemohon sebuah perniagaan perkongsian. Atau penyata akaun simpanan pemohon.
 - 2.2 Simpanan tetap pemohon (termasuk simpanan tetap ahli kongsi) seperti simpanan dalam BSN, Tabung Haji dan Badan Kewangan yang lain yang dilesen oleh Kerajaan. Simpanan tetap yang dicagar tidak diambilkira.
 - 2.3 Saham-saham pemohon (termasuk saham ahli kongsi) dalam ASN, ASB, Koperasi dan syarikat yang disenaraikan dalam BSKL. Semua saham-saham ini hendaklah bebas daripada cagaran. Saham yang dicagar tidak diambilkira.
 - 2.4 Kemudahan overdraf yang bercagar kepunyaan pemohon (termasuk kemudahan overdraf ahli kongsi). Dalam keadaan-keadaan ini hanya baki overdraf yang belum digunakan iaitu baki purata 3 bulan penyata akaun overdraf sahaja diambilkira. Kemudahan overdraf yang tidak bercagar tidak diambilkira.
 - 2.5 Harta-harta tetap kepunyaan pemohon (termasuk harta tetap ahli kongsi), yang bebas daripada cagaran. Harta ini mungkin berupa rumah, tanah, peralatan atau loji. Harta ini hendaklah ditaksir oleh pentaksir yang bertauliah. Nilai yang diambilkira ialah harga jualan terpaksa (forced sale value).